

PENGUASAAN BACAAN NYARING BAHASA ARAB J-QAF DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH KEBANGSAAN

Zulkifli Che Kob, Abd Rauf Hassan¹

Che Radiah Mezah²

Zulkifli.chekob@yahoo.com

Universiti Putra Malaysia (UPM)

ABSTRAK

Kemahiran membaca Bahasa Arab (BA) adalah salah satu daripada kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar sekolah rendah. Menerusi program j-QAF, kemahiran membaca yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar adalah berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) yang dahulu dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Hasil daripada pengalaman pengkaji sebagai guru BA di salah sebuah sekolah yang terlibat dalam kajian ini, didapati masih ramai lagi pelajar-pelajar yang tidak dapat membaca perkataan dan ayat BA lebih-lebih lagi untuk memahaminya. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan pencapaian dan penguasaan bacaan nyaring BA yang telah dipelajari di sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menerangkan masalah-masalah kelemahan pelajar dalam bacaan nyaring. Penilaian dalam bacaan nyaring ini meliputi enam aspek iaitu Alif Lam Shamsiyyah, Alif Lam Qamariyyah,

¹ Prof. Madya. Dr. Abd Rauf Bin Tan Sri Hassan, Pensyarah, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

² DR Che Radiah Mezah (PHD), Pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Alif Mad, Wau Mad, Ya Mad dan Syaddah. Responden kajian ini adalah seramai 200 orang murid-murid tahun enam yang mengikuti Program j-QAF. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian Kemahiran Membaca Bahasa Arab (UKMBA) iaitu ujian bacaan lisan dan soal selidik guru bahasa Arab. Sementara itu, data yang diperolehi melalui ujian tersebut, dianalisa berbentuk statistik deskriptif seperti min, peratusan dan gred. Seterusnya analisa data tersebut dibuat secara manual dengan menggunakan *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel* bagi mendapatkan jadual dan carta. Sebanyak 200 skrip jawapan berjaya dikumpul seterusnya dianalisa. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa aspek ‘Alif Lam Shamsiyyah’ yang paling sedikit dapat disebut dengan betul dalam kategori cemerlang berbanding dengan aspek-aspek yang lain, iaitu seramai 170 responden sahaja (85%). Manakala ‘Alif Lam Qamariyyah’ seramai 175 responden (87.5%), ‘Alif Mad’ seramai 183 responden (91.5%), ‘Wau Mad’ seramai 186 responden (93%), ‘Ya Mad’ seramai 178 responden (89%), dan Syaddah seramai 177 responden (88.5%). Berdasarkan keterangan di atas, aspek Alif Lam Syamsiyyah perlu diberi penekanan yang sewajarnya dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Peratus lulus keseluruhannya adalah (95.5%) iaitu 191 murid yang lulus. Mereka ini yang mendapat gred A seramai 165 orang murid, gred B seramai 16 orang murid dan gred C seramai 10 orang murid. Hanya 9 orang (4.5 %) peratus sahaja yang tidak lulus iaitu 6 orang murid yang mendapat gred D dan 3 orang murid yang mendapat gred E. Selain itu, dapatan daripada soal selidik guru menunjukkan pelajar lemah dalam bacaan nyaring kerana tidak mengenali huruf hijaiyyah. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap penguasaan bacaan nyaring bahasa Arab dalam kalangan murid-murid tahun enam sekolah kebangsaan berada pada tahap yang cemerlang iaitu Min Pencapaian 85.81.

Kata Kunci: Kemahiran Membaca, Bacaan Nyaring, Aspek Penilaian Bacaan Nyaring, Masalah kelemahan dalam bacaan nyaring.

ABSTRACT

Arabic Language reading skill is one of the basic reading skills which every primary school pupil should acquire. This reading skill is based on the objectives designated by BPI, formerly known as JAPIM through j-QAF programmer. Based on the researcher's experience, the number of pupils in school who fail to read at word and sentence level in Arabic Language is significant. However, being able to comprehend the language is even more challenging. The main objective of this research is to study the sonorous reading proficiency level of Arabic language among pupils from national primary. Beside that, the survey to explain students' weaknesses in the sonorous reading proficiency of Arabic Language. The method used in this research is UKMBA is an oral test and interviewing the Arabic Language teacher. The sonorous reading diagnostic test focuses on six key areas; *Alif Lam Shamsiyyah*, *Alif Lam Qamariyyah*, *Alif Mad*, *Wau Mad*, *Ya Mad*, and *Syaddah*. Two hundred of answer scripts were collected and analyzed. The data obtained from the diagnostic test are analysed in the form of descriptive statistics such as min, percentage, and grade. The analysis is done manually with Microsoft Word and Microsoft Excel to generate table and chart. Two hundred of the standard 6 pupils are selected as participants. The findings have shown that '*Alif Lam Shamsiyyah*' is the weakest aspect with the lowest success rate among correspondents which is 170 (85%). Meanwhile, the aspect of '*Alif Lam Qamariyyah*' has mid success rate with 175 correspondents (87.5%). '*Alif Mad*' has the score of 183 (91.5%), '*Wau Mad*' with 186 (93%), '*Ya Mad*' with 178 and *Syaddah* with 177 (88.5%). Based on these findings, the aspect of '*Alif Lam Shamsiyyah*' is the main area of focus in teaching and learning process. The average passing grade is 95.5% with 191 pupils have passed the test. Overall, 191 pupils have successfully passed the test (pass percentage of 95.5%); 165 pupils obtain grade A, 16 pupils obtain grade B, and 10 pupils obtain grade C. In contrast, 9 pupils are not able to pass the test (4.5%); 6 out of 9 pupils obtain grade D and 3 pupils obtain grade E. From the survey shows, the main cause of the reading problem is pupils did not recognized Hijaiyyah letters. The result shows good proficiency level among the test participants with the min of 85.81

Key words: Reading skill, Sonorous Reading, Evaluation of Sonorous Reading and Problem in Sonorous Reading.

1.0 PENDAHULUAN

Isu membaca tidak pernah lapuk untuk diperkatakan. Biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi dan dunia teknologi maklumat serta perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan (Mohamad Sofee, 2007). Tamam Timbang at el., (2011) menyatakan, hanya dengan membaca dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berwawasan. Masyarakat membaca juga menjadikan ilmu sebagai landasan hidup. Oleh yang demikian, masyarakat membaca sangat cintakan bahan-bahan ilmu khususnya buku, jurnal dan majalah yang menyalurkan ilmu dan menyuburkan hikmah.

Sehubungan itu, membaca bukanlah sesuatu yang mudah untuk diperkatakan lebih-lebih untuk menguasainya. Hal ini kerana apabila membaca sesuatu perkara, banyak perkara yang terlibat di dalamnya seperti mengenal huruf-huruf terlebih dahulu kemudian membunyikannya serta berusaha memahami apa yang dibaca. Malah menurut Leslie, (2001), membaca sebagai satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Manakala Rushdiy Ahmad Tu' aymah, (2006) pula menyatakan membaca merupakan interaksi pembaca dengan bahan bacaan menerusi deria penglihatan dan pembaca akan mentafsir dan merungkai simbol-simbol bacaan kepada mesej tertentu serta cuba memahami makna yang hendak disampaikan berdasarkan maklumat pembaca yang sedia ada.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa, kepentingan menguasai kemahiran membaca amat dititikberatkan. Antara keempat-empat kemahiran bahasa, membaca dilihat sebagai kemahiran yang berupaya menyumbang kepada pemeraksanaan kemahiran berbahasa seseorang pelajar. Hal ini disebabkan kemahiran membaca mampu menyediakan tapak yang kukuh bagi pembinaan kemahiran berbahasa (Tu 'aymah, 1989; Krashen, 2004) yang merentasi aspek ejaan, pemerolehan kosa kata, gaya penulisan serta penguasaan tatabahasa yang mantap (Krashen, 2000). Cohen (1990), menegaskan bahawa penguasaan kemahiran membaca berupaya

memacu dinamika pembelajaran bahasa seseorang pelajar, manakala kelemahan menguasainya bukan sahaja boleh mematahkan semangat untuk mempelajari bahasa sasaran, bahkan juga boleh melunturkan keinginannya untuk membaca (Kamarul Shukri Mat Teh et al., 2012).

Seterusnya dalam memperkatakan kemahiran membaca bahasa Arab, ada baiknya kita lihat dahulu penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah sekarang. Mat Taip Pa, (2006) menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu dirasakan amat lemah. Kelemahan penguasaan bahasa Arab ini boleh dilihat dalam kemahiran membaca samada dalam bacaan senyap mahupun bacaan nyaring. Hal ini berdasarkan kenyataan Kamaruddin, (1990) bahawa kelemahan murid dalam membaca dan memahami teks yang dibaca sememangnya menjadi masalah yang besar kepada murid-murid sekolah. Kelemahan-kelemahan ini boleh menimbulkan pelbagai kesukaran kepada mereka untuk mengikuti proses belajar lebih lagi dalam mempelajari bahasa asing.

Kelemahan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan, tergambar apabila kita melihat prestasi mereka dalam ujian-ujian rasmi persekolahan khususnya bagi Kertas 1 Bahasa Arab (Ujian Lisan). Berdasarkan prestasi ujian mereka, ramai pelajar tidak dapat membaca dengan baik perkataan dan ayat yang diberi. Kebiasaan kesilapan yang berlaku ialah mereka susah membandingkan antara bacaan panjang dan pendek, bacaan syaddah dan tidak bersyaddah dan antara bacaan *Alif Lam Qamariyyah* dan *Alif Lam Syamsiyyah*. Hal ini telah dialami oleh pengkaji sendiri yang sedang berkhidmat di salah sebuah sekolah tempat kajian dilakukan. Di bawah adalah keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Bahasa Arab 2012 hingga 2014 bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian.

Jadual 1: Pencapaian Peperiksaan Bahasa Arab Akhir Tahun Mengikut Sekolah Tahun 2012-2014

| NO | Sekolah | Tahun | Calon | Peratus Lulus | Peratus gagal |
|-----------|--------------------------------------|--------------|--------------|----------------------|----------------------|
| 1 | SK Seksyen 9 Kota Damansara (SKS9) | 2012 | 146 | 89.04 | 10.96 |
| | | 2013 | 165 | 90.05 | 9.95 |
| | | 2014 | 172 | 92.44 | 7.56 |
| 2 | SK Seksyen 7 Kota Damansara (SKS7) | 2012 | 177 | 93.16 | 6.84 |
| | | 2013 | 183 | 91.04 | 8.94 |
| | | 2014 | 194 | 76.29 | 23.71 |
| 3 | SK Seksyen 6 Kota Damansara (SKS6) | 2012 | 207 | 76.81 | 23.19 |
| | | 2013 | 224 | 95.54 | 4.46 |
| | | 2014 | 212 | 83.96 | 16.04 |
| 4 | SK Seksyen 11 Kota Damansara (SKS11) | 2012 | 158 | 80.38 | 19.62 |
| | | 2013 | 210 | 82.38 | 17.62 |
| | | 2014 | 170 | 79.82 | 20.18 |

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama (PPDPU).

Jadual 1 memaparkan pencapaian murid tahun 6 dalam Peperiksaan Akhir Tahun Bahasa Arab dari tahun 2012 hingga 2014. Jadual tersebut menunjukkan masih terdapat sebilangan murid tahun 6 yang tidak lulus dalam mata pelajaran bahasa Arab. Walaupun peratus gagal itu agak rendah tetapi sebenarnya merupakan sesuatu perkara yang membimbangkan. Kegagalan murid-murid tersebut membuktikan bahawa mereka menghadapi kelemahan dalam membaca bahasa Arab yang menyebabkan mereka tidak lulus seperti masalah tidak mengenali huruf hijaiyyah.

Jika dilihat pada pencapaian murid di atas, murid yang tidak lulus iaitu murid yang mendapat Gred D dan E masih ramai. Sebagai contoh (SKS7) pada tahun 2014 peratus gagal (23.71) daripada 194 calon iaitu seramai 44 orang murid yang tidak lulus dalam matapelajaran bahasa Arab. Begitu juga (SKS6) pada tahun 2012 peratus gagal (23.19) daripada 207 calon iaitu seramai 47 orang murid tidak lulus. Gred D dan E menggambarkan murid-murid berkenaan mempunyai masalah dalam pembelajaran mereka terhadap matapelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran membaca. Ini tidak dinafikan dalam menjawab soalan peperiksaan ianya terlebih dahulu perlu menguasai kemahiran membaca bahasa itu sendiri. Ini kerana jika seseorang itu tidak dapat membaca dengan baik sudah pastinya mereka tidak dapat memahami

seterusnya tidak dapat menjawab soalan dengan baik. Pengkaji membandingkan keputusan peperiksaan bahasa Arab di atas dengan kemahiran membaca nyaring yang dikaji sekarang kerana soalan peperiksaan bahasa Arab tersebut mengandungi 2 kertas iaitu kertas 1 (bacaan lisan) dan kertas 2 (bacaan senyap).

Selain daripada itu, kelemahan dalam kemahiran membaca nyaring juga dapat dilihat daripada hasil laporan Jawi peringkat Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama (PPDPU), seramai 10542 murid tahun 6 telah menduduki peperiksaan Jawi pada tahun 2014 dan hasilnya hanya 9366 (88.84%) lulus dalam peperiksaan tersebut. Ini menggambarkan seramai 1176 (11.16%) murid yang tidak lulus. Lebih menyedihkan lagi hasil daripada temubual rakan sekerja ada diantara yang tidak lulus ini masih lagi tidak mengenal huruf-huruf hijaiyyah apatah lagi hendak membaca. Pengkaji membuat bandingan dengan matapelajaran Jawi kerana dalam proses pembelajaran Jawi secara tidak langsung ianya melibatkan aspek bacaan *Mad*, *Alif Lam Syamsiyyah*, *Alif Lam Qamariyyah* dan *Syaddah* seperti apa yang dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini.

Seterusnya kelemahan dalam bacaan nyaring juga dapat dikesan melalui Laporan Khatam Al-Quran peringkat (PPDPU) tahun 2014 seramai 10542 murid dan daripada jumlah itu seramai 10122 lulus dengan boleh membaca dengan baik. Selebihnya iaitu 420 orang murid tidak dapat membaca al-Quran walaupun mereka berada di tahun 6. Oleh itu, mereka yang gagal ini masih membaca iqra' lagi walaupun telah berumur 12 tahun dan pastinya mereka akan ke alam sekolah menengah nanti. Hasil daripada kelemahan ini, mereka membaca dalam keadaan salah terhadap *bacaan mad*, *syaddah*, *Alif Lam Syamsiyyah* dan *Alif lam Qamariyyah*. Pengkaji membandingkan permasalahan kemahiran membaca nyaring bahasa Arab dengan PdP al-Quran kerana dalam PdP al-Quran semestinya mengandungi pembelajaran bacaan *Mad*, *Alif Lam Shamsiyyah*, *Alif Lam Qamariyyah* dan *Syaddah*. Tambah lagi bahasa Al-Quran adalah bahasa Arab. Begitu juga dengan bacaan iqra', dalam buku iqra' yang dikarang oleh As'ad Humam (1988), didapati mengandungi pembelajaran bacaan *Alif Lam Shamsiyyah* pada iqra' 5 dan bacaan *Mad* pada iqra' 2.

Melihat kepada masalah bacaan nyaring yang diutarakan di atas, maka kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat mengetahui tahap pencapaian sebenar dalam kalangan murid-murid tahun enam khususnya dalam bacaan nyaring bahasa Arab. Pelajar-pelajar yang berdepan dengan masalah membaca tentunya terdapat masalah-masalah kelemahan tertentu yang menyebabkan berlaku gejala tersebut. Oleh itu, kajian penguasaan dalam bacaan nyaring perlu dilakukan.

2.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Menentukan tahap penguasaan bacaan nyaring bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar tahun enam.
- b) Menganalisis tahap penguasaan terhadap aspek penilaian dalam bacaan nyaring
- c) Mengenalpasti masalah-masalah kelemahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam bacaan nyaring.

Untuk lebih memfokuskan kajian ini, soalan-soalan kajian dibina berdasarkan item-item dalam objektif kajian berkenaan. Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap penguasaan bacaan nyaring bahasa Arab bagi pelajar-pelajar tahun enam?
- b) Sejauhmanakah tahap penguasaan terhadap aspek penilaian bacaan nyaring?
- c) Apakah masalah-masalah kelemahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam bacaan nyaring?

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Populasi Kajian.

Menurut Muhamad Fahmi (2012): 140), populasi merujuk kepada sekumpulan individu, objek atau benda kejadian yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Manakala persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada sesuatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut.

Populasi dalam kajian ini adalah melibatkan semua Pelajar Melayu tahun 6 yang mengambil matapelajaran Bahasa Arab (BA) di empat buah sekolah yang menawarkan program j-QAF yang

terletak di Kota Damansara (PPDPU). Jumlah keseluruhan populasi ialah seramai 748 orang murid (mengikut data yang diperolehi dari sekolah yang terlibat).

3.2 Responden Kajian (Penentuan Saiz)

Pengkaji telah memilih sejumlah murid daripada empat buah sekolah yang menawarkan program j-QAF di Daerah Kota Damansara di (PPDPU). Jumlah murid yang dijadikan responden dalam kajian ini adalah seramai 200 orang murid yang mana setiap buah sekolah yang terlibat iaitu (SKS9) Kota Damansara, (SKS7) Kota Damansara, (SKS6) Kota Damansara dan (SKS11) Kota Damansara masing-masing 50 orang murid daripada empat buah sekolah tersebut telah dijadikan responden kajian. Murid-murid ini adalah kesemuanya merupakan murid tahun enam yang mengikuti program j-QAF di sekolah berkenaan. Teknik pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Pensampelan rawak mudah atau juga dikenali sebagai pensampelan rawak ringkas adalah satu kaedah untuk memilih saiz sampel daripada saiz populasi (Rozmi Ismail, 2013).

Penentuan Saiz responden iaitu seramai 200 orang ini amat sesuai kerana ia merupakan 16 peratus daripada populasi keseluruhan. Bilangan kelas di setiap sekolah adalah berbeza begitu juga pencapaian markah yang diperolehi oleh murid-murid sekolah berkenaan, namun ia tidak menimbulkan masalah dari segi kemampuan murid kerana pengkaji dimaklumkan oleh pihak sekolah berkenaan bahawa murid tersebut mempunyai latarbelakang penguasaan BA yang hampir sama berdasarkan rekod pencapaian peperiksaan setara pertengahan 2014.

3.3 Penentuan Sekolah

Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah kebangsaan iaitu (SKS9), (SKS7), SKS6 dan SKS11 yang terletak di Kota Damansara. Sekolah tersebut mempunyai murid-murid tahun 6 yang mengikuti matapelajaran BA dalam program j-QAF dan dibawah kelolaan sepenuhnya KPM.

Rasionalnya populasi dan responden dipilih daripada empat buah sekolah ini kerana mempunyai kriteria yang seimbang iaitu kemudahan dan prasarana pembelajaran yang sama, kesesuaian sekolah dengan tujuan kajian dan pengamalan kurikulum yang sama. Lokasi di antara empat buah sekolah tersebut adalah strategi yang memudahkan pengkaji untuk menjalankan urusan

pengkajian ini. Di daerah Kota Damansara, hanya ada empat buah sekolah ini. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dilakukan di empat buah sekolah ini tanpa memilih sekolah-sekolah yang tertentu sahaja.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu Ujian Kemahiran Membaca Bahasa Arab (UKMBA) yang merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Selain itu instrumen yang ke dua adalah soal selidik yang dijalankan terhadap guru-guru BA yang terlibat bagi mendapatkan data sokongan untuk menguatkan lagi kesahan kajian ini. Tujuan utama soal selidik ini dijalankan adalah untuk mengetahui masalah-masalah kelemahan dalam bacaan nyaring bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar.

Sementara itu, UKMBA bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan sebenar dalam bacaan nyaring (lisan) bahasa Arab. Soalan ujian ini dibina berdasarkan buku teks tahun 6 yang digunakan pada tahun 2014 dan Sukatan Pelajaran bahasa Arab j-QAF. Begitu juga dari segi pembuatan soalan ini dengan dirujuk terlebih dahulu kepada penyelia dan pakar-pakar dalam bidang ini sebelum dibahagikan kepada murid-murid untuk proses pengujian.

UKMBA ini mengandungi dua soalan. Soalan pertama, murid-murid perlu membaca perkataan *mufradah* (tunggal) sebanyak 10 perkataan. Sementara itu soalan kedua murid-murid perlu membaca perkataan *murakkabah* (bersusun) sebanyak 7 perkataan. Kedua-dua soalan ini murid-murid perlu membaca dihadapan pengkaji untuk dinilai dan direkodkan. Aspek yang dinilai dalam bacaan nyaring ini adalah sebutan terhadap 6 aspek iaitu *Alif Lam Qamariyyah*, *Alif Lam Syamsiyyah*, *Syaddah*, *Alif Mad*, *Wau Mad* dan *Ya Mad*. Dalam menguji bacaan nyaring ini pengkaji berpandukan pandangan yang diutarakan oleh Mohamad Abdul Qader Ahmad (1986) dan Al-Naqah, Mahmud Kamil (1985).

Menurut Mohamad Abdul Qader Ahmad (1986), para guru perlu menggunakan teknik bacaan lisan dalam pembelajaran untuk mengesan dan mengetahui punca-punca kelemahan murid dalam membaca sesuatu bahan seterusnya mencari jalan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Manakala Al-Naqah, Mahmud Kamil (1985), pula menjelaskan bahawa bacaan lisan ini sangat penting dalam pembelajaran bahasa kerana latihan ini memberikan peluang yang luas dalam melatih murid-murid membaca dengan sebutan yang dapat menguasai sebutan huruf, aspek tanda bacaan dan tatabahasa.

3.5 Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dengan cara murid-murid membaca di hadapan pengkaji seorang demi seorang untuk menguji kemahiran membaca nyaring murid-murid berdasarkan aspek-aspek penilaian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam proses pengumpulan data juga, pengkaji merakam bacaan murid-murid untuk dibuat rujukan ketika analisis data nanti.

3.6 Analisis Data

Setelah pengumpulan data selesai dilakukan, pengkaji seterusnya menganalisis dapatan data kajian tersebut. Data dianalisa berdasarkan kepada instrumen kajian yang dibuat. Data mentah (markah yang diperolehi hasil dari UKMBA) dianalisa dengan deskriptif secara manual menggunakan perisian *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel* untuk mendapatkan jadual dan carta. Arsaythamby Velo et al., (2013) menyatakan bahawa jadual dan graf saling memainkan peranan penting dalam menggambarkan kedudukan sebenar tentang sesuatu angka berdasarkan fenomena yang ingin dijelaskan. Markah diberikan berdasarkan gred A, B, C, D dan E mengikut Skala Pemarkahan UPSR.

Jadual 2: Skala pemarkahan UPSR

| No | MARKAH (%) | GRED | Tahap Penguasaan |
|-----------|---------------------|-------------|-------------------------|
| 1 | 80 – 100 | A | Cemerlang |
| 2 | 60 – 79 | B | Baik |
| 3 | 40 – 59 | C | Sederhana |
| 4 | 20 – 39 | D | Lemah |
| 5 | 0 – 19 | E | Sangat Lemah |

Seterusnya, bagi melengkapkan lagi analisa data, pengkaji membuat jadual keseluruhan markah yang diperolehi bagi semua responden (200 responden). Kemudian, daripada jadual tersebut pengkaji mendapatkan min pencapaian keseluruhan serta gred. Bagi Interpretasi Penilaian Skor Min UKMBA, kajian ini dikategorikan kepada tiga tahap Penilaian Skor Min yang dinyatakan oleh Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff et al., (2006) iaitu lemah (0-39), sederhana (40-69) dan cemerlang (70-100).

Manakala bagi tujuan analisis setiap aspek yang dinilai, pengkaji mengkategorikan data kepada 3 kategori (diubahsuai dari Hasnurol Hasyim 2010) iaitu lemah (skala 0-5), sederhana (skala 6-11) dan cemerlang (12-16). Selepas itu pengkaji membuat perbandingan di antara enam aspek yang dinilai mengikut tiga kategori di atas.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam penganalisan data, pengkaji akan menganalisa beberapa aspek bagi memastikan dapatan kajian lebih berfokus dan terperinci seterusnya menjawab persoalan dan objektif dalam kajian ini. Berikut adalah bahagian-bahagian yang diberi tumpuan dalam penganalisan data:


- a) Analisa pencapaian keseluruhan bacaan nyaring.
- b) Analisa pencapaian bagi setiap aspek penilaian bacaan nyaring.
- c) Analisa masalah kelemahan dalam bacaan nyaring.

4.1 Analisa Pencapaian Keseluruhan Bacaan Nyaring

Analisa bahagian pertama ini untuk menjawab objektif yang pertama iaitu ingin mengetahui tahap penguasaan bacaan nyaring bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar tahun 6 secara keseluruhan.

Jadual 3: Pencapaian keseluruhan responden bagi set ujian 1

| Ujian | Gred/Peratus | | | | | | | | | | Jum Resp | Peratus lulus (A+B+C) | Peratus gagal (D+E) |
|----------------|--------------|------|---|---|----|---|---|---|---|-----|----------|--------------------------|------------------------|
| | A | % | B | % | C | % | D | % | E | % | | | |
| Bacaan Nyaring | 165 | 82.5 | 6 | 8 | 10 | 5 | 6 | 3 | 3 | 1.5 | 200 | 95.5% | 4.5% |



Carta 1: Pencapaian keseluruhan responden dalam bacaan nyaring

Carta 1 menunjukkan bilangan responden iaitu 200 orang yang terlibat menjawab set ujian bacaan nyaring. Sehubungan itu seramai 165 orang responden (82.5%) mendapat gred A, bagi gred B seramai 6 responden (8%) dan gred C seramai 10 (5%). Seterusnya gred D seramai 6 responden (3%) dan 3 responden (1.5%) mendapat gred E. Berdasarkan peratus lulus (A+B+C), kemahiran bacaan nyaring telah mencapai 95.5% peratus lulus dengan 191 orang responden yang lulus dan hanya 4.5% yang tidak lulus iaitu 9 responden. Dalam kategori lulus seramai 165 (82.5%) lulus dengan cemerlang, 16 (8%) lulus dengan baik dan 10 (5%) lulus dengan sederhana.


Manakala dalam kategori tidak lulus, seramai 6 responden (3%) tidak lulus dengan lemah dan 3 responden (1.5%) tidak lulus dengan sangat lemah.

4.2 Analisa Pencapaian Bagi Setiap Aspek Penilaian Bacaan Nyaring

Bahagian kedua ini, pengkaji akan menganalisa secara terperinci terhadap aspek-aspek penilaian bagi bacaan nyaring. Tujuan penganalisan dalam bahagian ini untuk menjawab objektif yang kedua iaitu ingin mengetahui secara mendalam pencapaian murid-murid terhadap setiap aspek yang telah dinilai. Bagi melancarkan lagi penganalisan ini, pengkaji telah membuat jadual dan carta dengan menggunakan skala markah yang dikategori kepada lemah, sederhana dan cemerlang.

Jadual 4: Taburan kekerapan peratusan dan bilangan responden dalam kategori lemah, sederhana dan cemerlang bagi bacaan nyaring

| Aspek Penilaian | Skala Markah / Taburan Kekerapan | | | | | | Jumlah murid |
|---------------------|----------------------------------|-----|-----------------------------|-----|------------------------------|------|--------------|
| | Skala (0-5) (lemah) | | Skala (6-11) (Sederhana) | | Skala (12-16) (Cemerlang) | | |
| | Resp | % | Resp | % | Resp | % | |
| Alif Lam Shamsiyyah | 15 | 7.5 | 15 | 7.5 | 170 | 85 | 200 |
| Alif Lam Qamariyyah | 15 | 7.5 | 10 | 5 | 175 | 87.5 | 200 |
| Alif Mad | 5 | 2.5 | 12 | 6 | 183 | 91.5 | 200 |
| Wau Mad | 8 | 4 | 6 | 3 | 186 | 93 | 200 |
| Ya Mad | 12 | 6 | 10 | 5 | 178 | 89 | 200 |
| Syaddah | 16 | 8 | 7 | 3.5 | 177 | 88.5 | 200 |




Carta 2: Taburan Kekerapan Peratusan dan Bilangan Responden dalam Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang bagi Bacaan Nyaring

Carta 2 menunjukkan analisa secara keseluruhan pencapaian yang betul dijawab oleh 200 responden bagi bacaan nyaring. Seterusnya dari jadual dapatan keseluruhan ini, pengkaji telah mengelaskan dapatan kepada tiga kategori iaitu kategori lemah (skala 0-5), kategori sederhana (skala 6-11) dan kategori cemerlang (skala 12-16). Pengkelasan ini dibuat dengan membina jadual dan carta pai bagi memperlihatkan dapatan yang diperolehi secara terperinci mengikut aspek-aspek yang dinilai bagi menjelaskan ketiga-tiga kategori tersebut. Seterusnya, pengkaji membuat pula satu jadual dan carta garisan bagi membandingkan ketiga-tiga kategori tersebut.

4.2.1 Kategori lemah

Jadual 5: Pencapaian Responden Dalam Bacaan Nyaring Bagi Kategori Lemah

| Aspek | <i>Alif Lam Shamsiyyah</i> | <i>Alif Lam Qamariyyah</i> | <i>Alif Mad</i> | <i>Wau Mad</i> | <i>Ya Mad</i> | <i>Syaddah</i> |
|--------------|----------------------------|----------------------------|-----------------|----------------|---------------|----------------|
| Resp / Murid | 15 | 15 | 5 | 8 | 12 | 16 |
| Peratus | 7.5 | 7.5 | 2.5 | 4 | 6 | 8 |




Carta 3: Pencapaian Responden Dalam Bacaan Nyaring Bagi Kategori Lemah

Carta 3 menunjukkan pencapaian responden bagi kategori lemah untuk bacaan nyaring iaitu responden yang menjawab antara (skala 0-5) markah. Dapatan yang diperolehi dalam kategori ini, menggambarkan pelajar amat lemah menjawab pada aspek syaddah iaitu seramai 16 responden (8%) yang dapat menjawab dengan betul. Manakala aspek *Alif Lam Shamsiyyah* dan *Alif Lam Qamariyyah* merupakan kekerapan yang kedua tertinggi yang lemah, iaitu seramai 15 (7.5%). Seterusnya yang ketiga tertinggi yang lemah menjawab dengan betul iaitu aspek *Ya Mad* dengan kekerapan responden seramai 12 (6%). Seterusnya aspek *Wau Mad* seramai 8 (4%) responden yang lemah menjawab dengan betul. dan aspek *Alif Mad* yang paling sedikit responden yang lemah menjawab dengan betul, iaitu seramai 5 orang (2.5%).

4.2.2 Kategori sederhana

Jadual 6: Pencapaian Responden dalam Bacaan Nyaring Bagi Kategori sederhana

| Aspek | <i>Alif Lam Shamsiyyah</i> | <i>Alif Lam Qamariyyah</i> | <i>Alif Mad</i> | <i>Wau Mad</i> | <i>Ya Mad</i> | <i>Syaddah</i> |
|--------------|----------------------------|----------------------------|-----------------|----------------|---------------|----------------|
| Resp / Murid | 15 | 10 | 12 | 6 | 10 | 7 |
| Peratus | 7.5 | 5 | 6 | 3 | 5 | 3.5 |




Carta 4: Pencapaian responden dalam bacaan nyaring bagi kategori sederhana

Carta di atas menunjukkan pencapaian responden dalam kategori sederhana bagi bacaan nyaring iaitu responden yang menjawab antara (skala 6-11) markah. Dapatan yang diperolehi dalam kategori ini, menunjukkan bahawa aspek *Alif Lam Shamsiyyah* yang paling ramai menjawab dengan betul bagi kategori ini iaitu seramai 15 responden (7.5%). Manakala aspek *Alif Mad* merupakan kekerapan yang kedua tertinggi, iaitu seramai 12 (6%). Seterusnya yang ketiga tertinggi iaitu aspek *Ya Mad* dan *Alif Lam Qamariyyah* masing-masing seramai 10 (5%). Seterusnya yang keempat tertinggi adalah aspek *Syaddah* iaitu seramai 7 (3.5%) dan adalah aspek yang paling sedikit responden menjawab betul bagi kategori ini adalah aspek *Wau Mad* seramai 6 responden (3%).

4.2.3 Kategori cemerlang

Jadual 7: Pencapaian responden dalam bacaan nyaring bagi kategori cemerlang

| Aspek | <i>Alif Lam Shamsiyyah</i> | <i>Alif Lam Qamariyyah</i> | <i>Alif Mad</i> | <i>Wau Mad</i> | <i>Ya Mad</i> | <i>Syaddah</i> |
|--------------|----------------------------|----------------------------|-----------------|----------------|---------------|----------------|
| Resp / Murid | 170 | 175 | 183 | 186 | 178 | 177 |
| Peratus | 85 | 87.5 | 91.5 | 93 | 89 | 88.5 |




Carta 5: Pencapaian Responden Dalam Bacaan Nyaring Bagi Kategori Cemerlang

Carta 5 di atas menunjukkan pencapaian responden dalam kategori cemerlang bagi bacaan nyaring iaitu responden yang menjawab antara (skala 12-16) markah. Dapatan yang diperolehi, menggambarkan bahawa aspek *Wau Mad* merupakan bilangan yang paling ramai dapat menjawab dengan betul dalam kategori ini iaitu seramai 186 responden (93%). Manakala aspek *Alif Mad* merupakan kekerapan yang kedua tertinggi seramai 183 responden (91.5%). Seterusnya yang ketiga tertinggi, iaitu aspek *Ya Mad* dengan kekerapan responden menjawab dengan betul seramai 178 responden (89%). Namun begitu, aspek *Alif Lam Qamariyyah* adalah aspek yang paling sedikit responden menjawab dengan betul iaitu seramai 170 responden (85%).

4.3 Perbandingan antara Tiga Kategori

Jadual 8: Perbandingan kategori lemah, sederhana dan cemerlang bagi bacaan nyaring

| Skala markah / kategori | Aspek | | | | | | Jumlah kategori |
|-------------------------|----------------------------|----------------------------|-----------------|----------------|---------------|----------------|-----------------|
| | <i>Alif Lam Shamsiyyah</i> | <i>Alif Lam Qamariyyah</i> | <i>Alif Mad</i> | <i>Wau Mad</i> | <i>Ya Mad</i> | <i>Syaddah</i> | |
| Lemah | 15 | 15 | 5 | 8 | 12 | 16 | 71 |
| Sederhana | 15 | 10 | 12 | 6 | 10 | 7 | 60 |
| Cemerlang | 170 | 175 | 183 | 186 | 178 | 177 | 1069 |



Carta 6: Perbandingan kategori lemah, sederhana dan cemerlang bagi bacaan nyaring

Carta 6 menunjukkan perbandingan yang dapat dilihat daripada 6 aspek yang dinilai bagi bacaan nyaring ialah kekerapan yang menjawab dengan betul bagi jumlah kategori lemah sebanyak 71 sahaja. Manakala jumlah kategori sederhana ialah sebanyak 60 dan jumlah kategori cemerlang ialah sebanyak 1069. Ini menunjukkan bahawa bacaan nyaring yang mencatatkan jumlah ramai responden yang kerap menjawab dengan betul bagi keenam-enam aspek yang dinilai ialah dikategori cemerlang (Skala 12-16) markah iaitu sebanyak 1069.

4.4 Masalah Kelemahan dalam Bacaan Nyaring

Tujuan analisa bahagian ketiga ini untuk menjawab objektif yang ketiga iaitu ingin mengetahui masalah kelemahan murid dalam bacaan nyaring. Oleh itu berdasarkan dapatan daripada UKMBA, soal selidik guru bahasa Arab dan pengalaman pengkaji, dikenal pasti lima masalah kelemahan pelajar dalam bacaan nyaring seperti berikut:

a) Membuang/ meninggalkan.

Membuangkan atau meninggalkan huruf ketika membaca. Seperti ada dalam kalangan pelajar yang membaca perkataan (الْمَدْرَسَةُ) tetapi salah pada sebutan *Alif Lam Qamariyyah*. Secara keseluruhannya kesalahan ini kerana responden tidak menyebut sifat *Alif Lam Qamariyyah* dengan tepat dan betul mengikut kaedah sebenar. Contohnya ada yang membaca (الْمَدْرَسَةُ) dengan

memanjang *Alif* tanpa menjelaskan *Alif Lam Qamariyyah* tersebut seperti A~madrassatu (مَدْرَسَةٌ ~ ل). Kesalahan ini melibatkan 55 responden.

b) Pembalikan

Dalam pada itu, ada pelajar membaca sesuatu perkataan secara terbalik atau songsang. Contoh perkataan لَوْحَةُ الْمَفَاتِيحِ tetapi dibaca الْمَفَاتِيحِ لَوْحَةً pada perkataan tersebut. Pada pendapat pengkaji, mereka ini terikut dengan cara bacaan rumi dari kiri ke kanan. Kesalahan ini melibatkan 22 responden.

C) Gantian

Kesilapan yang seterusnya, menggantikan huruf dalam perkataan yang dibaca seperti membaca perkataan مُخْتَبِرُ الْكُمِّيُوتَرِ dibaca مُخْتَبِرُ الْكُمِّيَاتَرِ dengan menggantikan *Alif* pada tempat *Wau*. Kesalahan ini disebabkan mereka ini terlepas pandang dan tidak mengenali huruf yang dibaca. Kesalahan ini melibatkan 19 responden.

b) Tambahan

Seterusnya kesalahan yang berlaku iaitu menambahkan huruf semasa membaca sesuatu perkataan. Seperti membaca بَيْتُ يُوسُفِ . Seramai 17 orang murid telah melakukan kesalahan dalam membaca perkataan ini. Contohnya mereka membaca memanjang huruf (*fa*) yang berbaris dibawah seperti bacaan بَيْتُ يُوسُفِي . Mereka menambahkan huruf *ya* pada hujung perkataan يُوسُفِي . Pada pendapat pengkaji kesalahan ini berlaku kerana mereka gagal berhenti bacaan dengan baik dengan bahawa mereka tidak mengetahui cara-cara berhenti bacaan yang sepatutnya. Kesalahan ini melibatkan seramai 17 responden kesemuanya.

c) Tidak kenal huruf

Masalah tidak kenal huruf merupakan punca utama kebanyakan pelajar gagal membaca dengan baik. Keadaan ini menyebabkan pelajar akan menyebut sesuatu huruf sesuka hati atau dengan meneka sahaja sehinggakan menjadi perkataan itu tidak bermakna atau berlainan makna. Hal ini

berdasarkan soal selidik bersama guru bahasa arab yang menyatakan bahawa tidak mengenal huruf merupakan elemen utama wujudnya masalah membaca ini. Begitu juga hal ini disokong oleh pengkaji berdasarkan pengalaman berada di sekolah kebangsaan sebagai guru utama bahasa Arab.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulan berdasarkan objektif kajian adalah seperti berikut:

5.1 Objektif Pertama: Pencapaian keseluruhan responden dalam bacaan nyaring.

Tahap penguasaan kemahiran membaca nyaring bahasa Arab diempat buah sekolah yang terlibat dalam kalangan 200 orang murid tahun enam secara keseluruhannya pada tahap cemerlang iaitu Min Pencapaian 85.81%.

5.2 Objektif kedua: Pencapaian setiap aspek penilaian bacaan nyaring.

a) *Alif Lam Shamsiyyah*

Bagi aspek *Alif Lam Shamsiyyah* seramai 15 responden (7.5%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 15 (7.5%) responden yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah, ianya sama dengan kategori lemah. Manakala seramai 170 responden (85%) yang menjawab dengan betul dalam kategori cemerlang (skala 11-16) markah. Berdasarkan (skala 12-16) markah yang paling ramai kekerapan responden iaitu 170 responden (85%), menunjukkan sebutan *Aspek Alif Lam Shamsiyyah* ditahap kurang memberangsangkan.

b) *Alif Lam Qamariyyah*

Bagi aspek *Alif Lam Qamariyyah* seramai 15 responden (7.5%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 10 (5%) responden yang menjawab yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah. Manakala seramai 175 responden (87.5%) yang menjawab betul dalam kategori cemerlang (skala 11-16) markah. Berdasarkan kategori cemerlang yang paling ramai kekerapan responden yang menjawab dengan

betul iaitu seramai 175 responden (87.5%), sebutan aspek *Alif Lam Qamariyyah* ditahap yang memberangsangkan.

c) *Alif Mad*

Bagi aspek *Alif Mad* seramai 5 responden (2.5%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 12 (6%) responden yang menjawab yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah. Manakala seramai 183 responden (91.5%) yang menjawab betul dalam kategori cemerlang (skala 12-16) markah. Berdasarkan kategori cemerlang yang paling ramai kekerapan responden iaitu 183 orang (91.5%), sebutan aspek *Alif Mad* ditahap sangat memberangsangkan.

d) *Wau Mad*

Bagi sebutan aspek *Wau Mad* seramai 8 responden (4%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 6 (3%) responden yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah. Manakala seramai 186 responden (93%) yang menjawab betul dalam kategori cemerlang (skala 12-16) markah. Berdasarkan kategori cemerlang yang paling ramai kekerapan responden yang menjawab dengan betul iaitu seramai 186 orang (93%), sebutan aspek *Wau Mad* ditahap sangat memberangsangkan.

e) *Ya Mad*

Bagi sebutan aspek *Ya Mad* seramai 12 responden (6%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 10 (5%) responden yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah. Manakala seramai 178 responden (89%) yang menjawab betul dalam kategori cemerlang (skala 12-16) markah. Berdasarkan kategori cemerlang yang paling ramai kekerapan responden iaitu 178 orang (89%), sebutan aspek *Ya Mad* ditahap yang memberangsangkan.

f) *Syaddah*

Bagi sebutan *Syaddah* seramai 16 responden (8%) yang menjawab dengan betul dalam kategori lemah (skala 0-5) markah. Manakala seramai 7 (3.5%) responden yang menjawab yang menjawab dengan betul dalam kategori sederhana (skala 6-11) markah. Manakala seramai 177

responden (88.5%) yang menjawab betul dalam kategori cemerlang (skala 12-16) markah. Berdasarkan kategori cemerlang yang paling ramai kekerapan responden yang menjawab dengan betul iaitu seramai 177 orang (88.5%), sebutan aspek *Syaddah* ditahap yang memberangsangkan.

Objektif Ketiga: Masalah kelemahan yang yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam bacaan nyaring.

Berdasarkan dapatan di atas masalah kelemahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam bacaan nyaring sebanyak lima elemen seperti pembuangan, gantian, tambahan, pembalikan dan tidak kenal huruf. Manakala elemen tidak kenal huruf merupakan punca utama dalam masalah membaca nyaring ini.

Secara keseluruhannya, kemahiran membaca nyaring dalam kalangan murid tahun enam sekolah kebangsaan berada pada tahap cemerlang kerana peratus lulus keseluruhannya (95.5%) iaitu seramai 191 murid dan Min Pencapaian 85.81. Walaubagaimanapun masih perlu diberi perhatian kerana terdapat 9 orang murid yang tidak lulus iaitu 6 orang murid gred D dan 3 orang murid mendapat gred E. Manakala bagi aspek *Alif Lam Shamsiyyah*, perlu diberi penekanan kerana aspek inilah yang paling sedikit dalam kategori cemerlang iaitu 170 kekerapan berbanding dengan aspek-aspek lain. Selain itu aspek ini juga yang kedua terbanyak dalam kategori lemah iaitu sebanyak 15 kekerapan. Seterusnya guru-guru perlu memberi penekanan terhadap elemen tidak kenal huruf supaya murid-murid terlebih dahulu mengenal huruf sebelum mereka membaca bagi mendapatkan pembacaan betul dan baik.

RUJUKAN

Al Naqah, Mahmud Kamil. 1985. *Ta'lim al Lughah al-Arabiyyah lil Natiqina bi Lughatun Ushr*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura. Maktabat Al-Nahdat.

Arsaythamby Velo, Arumugam Raman. 2013. *Kaedah Analisis & Interpretasi Data*. Universiti Utara Malaysia, Kedah. Cetakan Kedua.

As'ad Humam. 1988. *Buku Iqra' : Cara Cepat Belajar Membaca AL-Quran*. Yogyakarta, Indonesia.

Hasnurol Hasyim 2010. *Penguasaan Kosa Kata Arab Program J-QAF dalam Kalangan murid Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Kamaruddi Husin. 1990. *Pedagogi bahasa 4*. Longman.

Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab Halim, Nurazan Mohmad Rouyan. Mohd Shahrizal Nasir 2012. *Dinamika Pendidikan Bahasa Arab : Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Kamus Dewan Edisi Baru. (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Leslie, O. 2001. Using think-aloud for reading instruction. *Reading Teacher* 5 (1) : 64- 70

Mat Taip Pa, Mohd Rosdi Ismail. 2006. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohamad Abdul Qader Ahmad. 1986. *Turuq Ta'lim Al-Lughat Al-Arabiyyat*. Kaherah: Maktabat Al-Nahdat.

Mohamad Sofee Razak. 2007. *Intelek Kurang Membaca*. Utusan Malaysia, 26

November.

Muhamad Fahmi Bin Abd Jalil (2012). *Penguasaan Pelajar Stam Terhadap Imbuan Kata Bahasa Arab*. Tesis Master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abd Ghani. 2006. *Teknik Pembelajaran Kemahiran Mendengar : pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab*. *Jurnal Islamiyyat* 28: 109-124.

Rosmi Bin Ismail. 2013. *Metodologi Penyelidikan : Teori dan Praktis*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Cetakan Pertama.

Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Afendi Hamat. 2011. *Faktor Dan Kesan masalah membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.

Tu'aymah, Rushdi Ahmad. 2006. *Al-Maha:ra:t al-Lughawiyyah*. Al-Qa:herah: Da:rul Fikr al-Arabi